

16 JUL 2001

Mahathir-Aman

TANGGUNGJAWAB RAKYAT TENTUKAN KEAMANAN DAN KEBEBASAN DITERUSKAN

MELAKA, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk menentukan keamanan dan kebebasan yang dikecapi sekarang dapat diteruskan.

Beliau berkata rakyat yang bijak akan memilih kerajaan yang tahu menentukan kebebasan dan kesejahteraan rakyat serta dapat memajukan negara demi kepentingan rakyat.

Katanya antara kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang paling besar ialah dapat mewujudkan keamanan, keharmonian dan kerjasama antara kaum di negara ini.

"Inilah Malaysia, aman, makmur, bebas, maju dengan pesat. Pilih BN adalah pilihan yang bijak kerana ia (BN) memberikan kebebasan kepada majoriti rakyat di negara ini.

"Harap rakyat akan kekalkan tradisi dan budaya ini. Kebebasan demokrasi yang kita amalkan dengan tidak menidakkan kebebasan dan hak majoriti rakyat," katanya ketika berucap pada Jamuan Makan Malam Rakyat Bersama Perdana Menteri di Dataran Sejarah, Air Keroh, malam ini.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga anggota Parlimen Batu Berendam Tun Abdul Ghafar Baba, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan pemimpin negeri adalah antara mereka yang hadir pada jamuan itu.

Dr Mahathir berkata keamanan dan kerjasama pelbagai kaum selama 43 tahun negara merdeka, telah dirintis oleh pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan.

Beliau berkata pemimpin terdahulu menggunakan perbincangan dengan duduk semeja untuk menyelesaikan apa juga masalah dan perkara itu diteruskan dalam konsep BN sekarang, termasuk selepas Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia.

"Kita hidup bersama, bekerja bersama, bermain bersama, inilah keadaan Malaysia. Dengan kerjasama itulah dapat kita bangun negara dengan pesat... yang jarang terdapat di negara-negara lain yang turut mempunyai pelbagai kaum," katanya.

Perdana Menteri berkata perpaduan antara kaum tidak harus dilihat sebagai satu perkara biasa kerana ia merupakan sesuatu yang istimewa di Malaysia.

"Kita inginkan keamanan. Mungkin kita anggap keamanan satu perkara biasa kerana sejak lebih 43 tahun kita merdeka, baru sekali rusuhan berlaku (13 Mei 1969)," katanya.

Beliau berkata di beberapa buah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, rusuhan, permusuhan dan pembunuhan antara kaum berlaku tetapi di Malaysia perkara seumpama itu tidak berlaku kerana rakyatnya sentiasa bersatu-padu, bekerjasama dan saling memahami antara satu sama lain.

Perdana Menteri berkata semua golongan rakyat perlu menghargai keamanan kerana ia seperti kesihatan seseorang iaitu jika mereka sihat, ia kurang dihargai tetapi apabila sakit barulah ia dihargai.

"Begitu juga dengan keamanan, apabila negara kita diserang dan huru-hara, barulah kita tahu erti keamanan yang sebenarnya," katanya.

Dalam pada itu, katanya, ada pula rakyat yang tidak bersyukur dengan keamanan yang ada, sebaliknya cuba mengadakan demonstrasi, mencipta bom, membeli senjata dan berjumpa dengan pihak luar untuk mendapatkan sokongan.

"Mereka buat begitu dengan tujuan untuk mewujudkan rusuhan sepanjang masa hingga kerajaan digulingkan. Nasib baik kita ketahui kegiatan itu

lebih awal dan mereka ditahan tanpa dibicarakan di mahkamah.

"Walaupun negara dikritik kerana dikatakan menindas, yang penting keamanan, kebebasan dan keselamatan majoriti 22 juta rakyat Malaysia diutamakan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, sekiranya tindakan itu dibiarkan, ia boleh menyebabkan orang ramai terbunuh dan kerajaan tidak mahu sesiapa terkorban dan mengambil tindakan pencegahan lebih awal.

Katanya tindakan kerajaan menahan mereka adalah untuk menjaga keselamatan majoriti 22 juta rakyat Malaysia kerana sekiranya mereka bebas, tindakan mereka itu boleh menyebabkan orang lain mendapat susah.

"Kita percaya pada sistem demokrasi, tetapi ia perlu ada hadnya kerana kebebasan juga perlu mempunyai batasan tersendiri. Kerajaan yang dipilih rakyat selama ini sentiasa bertanggungjawab untuk memastikan kebebasan, keamanan dan keselamatan yang sedia ada diteruskan," katanya.

-- BERNAMA

SBS APG NO LAT